

PERUTUSAN PEGAWAI DAERAH/PENTADBIR TANAH

Oleh Administrator

Isnin, 01 July 2019 00:00 - Terakhir Diupdate Ahad, 22 Desember 2019 15:45



Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang dengan izin-Nya dapat kita bersama dalam laman web Pejabat Daerah Dan Tanah Dungun. Sesungguhnya kita sedang menghadapi era internet iaitu satu revolusi baru yang bersifat global yang berupaya mengubah kehidupan manusia di mana-mana sahaja. Sehubungan dengan itu kami juga tidak mahu ketinggalan dalam arus Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau Information & Communication Technology (ICT). Kita percaya bahawa melalui penggunaan maklumat dan ilmu kita sudah pasti boleh meningkatkan kualiti perkhidmatan kita.

Pejabat Daerah Dan Tanah Dungun berusaha membina laman web ini bertujuan mendekatkan masyarakat amnya dan pegawai serta kakitangan pentadbiran Daerah dan Tanah khususnya dengan teknologi yang pesat berkembang ini. Ia juga sebagai langkah awal ke arah kerajaan elektronik, "Website" ini adalah permulaan dalam menyahut seruan Y.A.B. Perdana Menteri supaya kita tidak hanya memerhati sahaja terhadap revolusi maklumat ini. Kita perlu menyertainya, bahkan menerajui. Kata Perdana Menteri Lagi " Perubahan yang perlu dibuat kali ini adalah lebih sukar tetapi bukanlah di luar kemampuan kita. Yang penting ialah kesanggupan kita untuk memiliki kemahiran yang diperlukan melalui usaha yang gigih dan dedikasi. Kita boleh melakukannya dengan memahami ICT, memanfaatkannya, merealisasikan potensinya dan menggunakannya".

Pembinaan Laman ini bermula pada April 2006 adalah menandakan keazaman serta iltizam seluruh Pegawai dan Kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Dungun memasuki persaingan global bagi merealisasikan wawasan 2020 dan juga Wawasan Sihat demi kecemerlangan Perkhidmatan Awam keseluruhannya. Sebagai peserta baru dalam gelombang cyber sudah pasti laman web ini mempunyai banyak kekurangan dan kelemahannya. Oleh itu sebarang teguran dan komen akan diterima dengan hati yang terbuka.

Saya bagi pihak seluruh kakitangan Pejabat Daerah Dan Tanah Dungun merakamkan berbilang-banyak terima kasih di atas segala usaha dan pengorbanan semua pihak yang terlibat dalam pembinaan Laman ini.

PERUTUSAN PEGAWAI DAERAH/PENTADBIR TANAH

Oleh Administrator

Isnin, 01 July 2019 00:00 - Terakhir Diupdate Ahad, 22 Desember 2019 15:45

Sekian, salam cyber dari saya dan terima kasih....

(Tuan Haji Anuar Bin Awang)

A.M.Z

Pegawai Daerah / Pentadbir Tanah Dungun